

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

PADU berjaya tepis lebih dua juta 'serangan' sehari

PADU berjaya tepis lebih dua juta 'serangan' sehari

Ciri keselamatan sistem ikut piawaian global tetap terjamin

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri Muhamzir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Ekonomi mendedahkan lebih dua juta cubaan bagi menembusi ciri keselamatan Pangkalan Data Utama (PADU) dibuat setiap hari, ketika peringkat permulaan sistem itu diperkenalkan.

Menteri, Rafizi Ramli, berkata bagaimanapun setakat ini tiada pihak yang berjaya kerana ciri keselamatan sistem berkenaan mematuhi piawaian global, termasuk bagi komponen keselamatan rangkaian.

Katanya, PADU juga menampilkan tiga komponen utama bagi aspek keselamatan data, antaranya komponen keselamatan data membabitkan pelaksanaan kawalan akses capaian serta penyulturan.

"Setiap data didaftarkan di PADU adalah *encrypted*. Maksudnya, kalaupun ada yang berjaya memecah masuk dan memutus turun fail, ia perlu diyahsulitkan."

"Kecualilah pengodam itu adalah super komputer yang boleh menyahsulitkan data berkenaan, namun ia adalah suatu yang merapu," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) mengenai langkah kawalan data PADU daripada disalahgunakan.



Rafizi pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

Media sebelum ini melaporkan kebimbangan mengenai perlenggaran dan kebocoran data menjadi punca utama kerajaan Sarawak mengarahkan pendaftaran PADU ditangguhkan.

Selaras Sarawak, Sabah pula mahu Kementerian Ekonomi menghentikan sementara pendaftaran PADU dan membuat penilaian semula terhadap perlaksanaan program berkenaan.

Berkata, sistem PADU juga tidak dibenarkan untuk diakses dari luar negara dan lokasi dikategorikan berisiko dengan ketetapan itu berdasarkan rekod cubaan akses kebanyakannya bukan dari Malaysia.

"Insya-Allah kaedah dinyatakan akan memastikan keselamatan PADU daripada penyalahgunaan, selain memastikan tiada kecinciran berlaku dalam pendaftaran," katanya.

Beliau berkata, pasukan pembangunan sistem PADU diketuai Jabatan Digital Negara bekerjasama dengan pelbagai agensi

menguruskan keselamatan siber dan privasi data negara.

"Antaranya, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Agenzi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Cyber-Security Malaysia (CSM) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPTP) serta Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital.

"PADU juga dibangunkan menggunakan kapakaran Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan dan Jabatan Digital Negara dengan sokongan dan kerjasama pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri," katanya.

Mengenai aspek pendaftaran, Rafizi berkata, 8,093,336 warga tempatan berusia 18 tahun ke atas sudah mendaftar, mewakili 36.8 peratus daripada jumlah keseluruhan, setakat jam 11.59 malam kelmarin.

"Kami mengurangkan pen-

daftaran antara 350,000 hingga 400,000 sehari, menjelang 31 Mac ini," katanya.

Pola pendaftaran berbeza

Sementara itu, beliau memaklumkan, pola pendaftaran PADU agak berbeza berbanding jangkaan dengan negeri yang memiliki jumlah kawasan pedalaman lebih banyak mencatatkan pen-daftaran lebih tinggi.

"Contohnya, Kelantan, Sabah, Sarawak dan sebahagiannya adalah kerana usaha Flying Skuad. Kita mengenal pasti kawasan pedalaman selepas sebuah pendaftaran dibuka.

"Lebih ramai kakitangan digerakkan ke kawasan pedalaman dan (penduduk) di bandar yang biasanya celik digital, mereka berperlu mengemaskini (PADU) secara peribadi.

"Bagi meminimumkan risiko kecinciran, kita sudah memadankan semua pangkalan data bantuan kerajaan sedia ada dengan geopin lokasi bagi mengenal pasti kawasan berisiko kecinciran," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhl Shaarif (PN-Pasir Mas), Rafizi menafikan dakwaan sebahagian besar bukan Bumiputera tidak mendaftar di PADU kerana kurang percaya kepada kerajaan.

Sebaliknya, beliau berkata, keadaan itu didorong faktor bukan Bumiputera tidak biasa menerima bantuan kerajaan secara bulanan, sebelum ini. Sebab itu mereka tidak banyak yang berada dalam sistem kerajaan.

"Sebahagian besar golongan berkenaan memang tidak biasa menerima bantuan kerajaan secara bulanan, sebelum ini. Sebab itu mereka tidak banyak yang berada dalam sistem kerajaan."

"Mereka juga banyak yang merasakan berada dalam golongan M40 ke atas dan tidak layak mendapat apa-apa bantuan. Itu sebab dia, bukan sebab defisit kepercayaan," katanya.